

Malloch hargai Pak Lah

G@ID menyanjung kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui pentadbiran negara, terutama memastikan kesinambungan agenda ICT.

Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mark Malloch Brown, berkata kepemimpinan Perdana Menteri disanjung bukan saja oleh rakyat negara ini malah masyarakat antarabangsa yang menyertai pakatan itu.

"Kita merakamkan terirna kasih kepada Abdullah bukan saja kerana sudi merasmikan majlis ini malah terima kasih kepada contoh dan kepemimpinan yang, diberi kepada negara ini dan dunia," katanya pada majlis perasmian G@ID di Putrajaya, semalam.

Malloch berkata, penganjur tidak dapat memilih negara terbaik menjadi tuan rumah mesyuarat G@ID melainkan Malaysia di bawah pimpinan Abdullah.

"Kita tidak dapat memilih negara lain yang lebih baik untuk menganjurkan mesyuarat penting bagi membincangkan kerjasama dan pakatan strategik negara anggota badan ini," katanya.

Malloch berkata, G@ID menyediakan landasan bagi semua negara anggota berbincang mengenai pelbagai isu dan masalah yang mengekang kemajuan negara dalam bidang ICT dan teknologi baru di seluruh dunia.

"Sehubungan itu, mesyuarat ini membolehkan semua pihak berbincang dan mencari jalan mencari kerjasama atau pakatan berinovatif selain melakukan pelbagai usaha meningkatkan kemajuan bidang ICT," katanya.